



## SIARAN MEDIA

### **PROGRAM BICARA KOMUNITI SARAWAK: “KELESTARIAN TRADISI DAN BUDAYA”**

**Kuching, Sarawak:** 25 Februari 2022 – Bersempena "Citrawarna Keluarga Malaysia 2022 - Temasya Kepelbagaian Budaya" yang berlangsung pada 24-27 Februari 2022, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya melalui agensinya Arkib Negara Malaysia menganjurkan Program Bicara Komuniti Sarawak: “Kelestarian Tradisi dan Budaya”. Program ini dirasmikan oleh YB Dato’ Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya.

Program yang berlangsung selama sehari ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada masyarakat khususnya berkaitan tradisi dan budaya di Sarawak. Objektif program ini diadakan ialah untuk mengetengahkan keunikan dan kepelbagaian warisan dan budaya, adat istiadat, suku kaum, bahasa dan makanan tradisi yang menarik dan popular di Sarawak. Di samping itu, ia juga bertujuan untuk memupuk kesedaran dan berkongsi ilmu dengan masyarakat tentang kepentingan pengetahuan mengenai adat istiadat, makanan tradisi dan bahasa sukuan berdasarkan amalan masyarakat tempatan.

Terdapat dua sesi pembicaraan, iaitu sesi pertama dengan topik Bicara Komuniti: Kelestarian Adat Istiadat dan Makanan Tradisi. Tokoh pembicaranya ialah YBhg. Datu Ik Pahon Anak Joyik (Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak (Transformasi Luar Bandar) / Pengerusi Persatuan Dayak Bidayuh) dengan topik “Adat Istiadat Amalan Masyarakat Sarawak”, seterusnya YBrs. Dr. Adibah binti Yusuf (Universiti Malaysia Sarawak) dengan topik “Makanan dan Adat Tradisi Sarawak”. Pembicara yang ketiga pula ialah YBrs. Encik Mabong Anak Unggang (Pengerusi Akademi Persatuan Dayak Iban Sarawak-ASADIA) dengan topik “Melestarikan Seni dan Kebudayaan dalam Tradisi serta Adat Istiadat Sarawak”.

Sesi kedua dengan topik Bicara Komuniti: Keunikan Bahasa Sukuan Sarawak dibicarakan oleh tiga orang lagi tokoh pembicara, iaitu YBrs. Dr. Hazami bin Jahari (Dewan Bahasa dan Pustaka) dengan tajuk “Peranan Bahasa Sukuan dalam Pengayaan Bahasa Kebangsaan dan Perpaduan”, YBrs. Dr. Juna Liau (Universiti Malaysia Sarawak) dengan topik “Penggunaan dan Peranan Bahasa Sukuan dalam Masyarakat Orang Ulu di Sarawak” dan tokoh pembicara ketiga, YBrs. Encik Dilah bin Tuah (Universiti Malaysia Sarawak) yang mengupas mengenai “Keunikan Dialek Melayu Sarawak sebagai Bahasa Kolokial”.

Program seperti ini memberi manfaat bukan sahaja kepada penduduk setempat, terutamanya pemimpin tempatan, penjawat awam, NGO dan orang ramai mengenai tradisi suku kaum dan budaya di Sarawak malahan juga masyarakat Malaysia amnya. Ini kerana bahan rakaman perkongsian maklumat bicara ini akan disimpan kekal di Arkib Negara Malaysia dan dijadikan bahan rujukan, kajian serta penyelidikan oleh para pengkaji pada masa kini dan akan datang.

Adalah diharapkan melalui program seperti ini Arkib Negara Malaysia dapat menjadi pemangkin dalam menyemarakkan rasa kecintaan kepada negara dan bangsa sesuai dengan aspirasi Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021 yang berusaha menjulang dan memartabatkan seni, budaya dan warisan negara.

**ARKIB NEGARA MALAYSIA**  
**25 FEBRUARI 2022**

---

Tel: 03-6209 0671/0672/0673/0674  
Faks: 03-6201 5679  
Emel: pro@arkib.gov.my